

**Amalan Berdaya Fikir
Pengajaran Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Bilik Darjah****

(** Kertas kerja dibentangkan dalam Konvensyen Pendidikan Ke-10, anjuran Institut Bahasa Melayu Malaysia, Kuala Lumpur, November, 2001)

Oleh:

*N.S.Rajendran, Ph.D. (Michigan State)
Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
E-mail: nsrajendran@upsi.edu.my*

Pengenalan

Pada umumnya, para pendidik bersetuju bahawa wacana pengajaran dan pembelajaran di sekolah haruslah dibawa ke aras tinggi. Ini bermakna pengajaran dan pembelajaran harus melebihi aras menghafal supaya ia sampai ke aras tinggi di mana berlaku pemikiran secara kritis dan kreatif (*Educational researchers and practitioners agree that schooling must push beyond memorization into the realm of critical reflection*).

Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna kemahiran aras rendah tidak penting. Kemahiran aras rendah juga mempunyai peranan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Perkara yang perlu diberi perhatian oleh para pendidik ialah perlu ada usaha yang eksplisit untuk melibatkan pelajar di mana pelajar memainkan peranan yang signifikan dalam proses pengajaran pembelajaran, walaupun aktiviti yang dijalankan ialah menghafal. Mengikut Perkins (1992) pemikiran aras tinggi boleh berlaku di kalangan pelajar jika pelajar memainkan peranan yang aktif ini. (*Even when the task is sheer memorization, the learner plays an active*

role, struggling to understand, formulating tentative conceptions, testing those conceptions out on further instances).

Dapatan kajian, pada umumnya, menunjukkan bahawa proses pengajaran pembelajaran di bilik darjah masih di aras rendah yang kurang atau tidak menyokong penguasaan kemahiran berfikir oleh pelajar (Rajendran, 1998: Sternberg & Martin, 1988). Maka adalah menjadi tanggungjawab semua warga pendidik untuk memastikan wacana pengajaran pembelajaran di bilik darjah dibawa ke aras yang tinggi. Sehubungan ini, kertas kerja ini akan menyiasat dan mengemukakan cadangan mewujudkan amalan berdaya fikir dalam pengajaran pembelajaran Bahasa Melayu (BM).

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR).

Hampir kesemua aktiviti pengajaran pembelajaran di dalam bilik darjah mempunyai unsur-unsur kemahiran berfikir. Tidak boleh dinafikan bahawa pelajar menguasai kemahiran berfikir hasil daripada pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sekolah. Walau bagaimanapun, perhatian yang diberikan kepada pengajaran kemahiran berfikir kini meminta supaya selain dari kandungan mata pelajaran kemahiran berfikir juga diberi penekanan. Penekanan yang diberi menuntut supaya kemahiran berfikir perlu diajar secara eksplisit dan bukan hanya diterima sebagai hasil tidak langsung daripada pengajaran pembelajaran mata pelajaran sekolah.

Oleh kerana, pada umumnya kebanyakan wacana di dalam kelas adalah di aras rendah, guru haruslah berusaha bersungguh-sungguh untuk membawa wacana

di dalam kelas ke aras tinggi. Taksonomi KBAT dan KBAR dalam Jadual I di bawah boleh membantu guru BM merancang dan mengendalikan aktiviti pengajaran pembelajaran di dalam bilik darjah.

Jadual I: Taksonomi KBAT dan KBAR

Taksonomi Bloom	KBAT dan KBAR	Keterangan
Pengetahuan Kefahaman	Kemahiran Berfikir Aras Rendah	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan potensi minda yang terhad • Aplikasi rutin dan mekanistik. • Operasi berulang seperti menyenaraikan maklumat yang pernah dipelajari, mengaplikasikan peraturan prosedur, dan aktiviti mental rutin dan algoritmik yang lain. • Memerlukan pelajar untuk menghuraikan, membanding-bezakan, menyingkatkan, menghubungkan, mengaplikasi dan menyelesaikan sesuatu masalah.
Aplikasi	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	<ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan potensi minda untuk menangani cabaran baru. • Seseorang perlulah memahami, menterjemah, menganalisis, dan memanipulasikan maklumat. • Memerlukan pelajar menilai maklumat secara kritis, membuat inferens, dan membuat generalisasi. • Pelajar menghasilkan komunikasi asli, membuat ramalan, mencadangkan penyelesaian, mencipta, menyelesaikan masalah berkaitan kehidupan seharian, menilai idea, melahirkan pendapat, membuat pilihan dan membuat keputusan.
Analisis		
Sintesis		
Penilaian		

KBAT ditakrifkan sebagai penggunaan potensi minda untuk menangani cabaran baru (Onosko dan Newmann, 1994). Dalam situasi ini seseorang perlulah memahami, menterjemah, menganalisis, dan memanipulasikan maklumat. Ini adalah penting kerana sesuatu persoalan yang perlu dijawab atau masalah yang perlu diselesaikan tidak boleh diselesaikan menggunakan pendekatan rutin. KBAT juga memerlukan pelajar menilai

maklumat secara kritis, membuat inferens, dan membuat generalisasi. Mereka juga akan menghasilkan komunikasi asli, membuat ramalan, mencadangkan penyelesaian, mencipta, menyelesaikan masalah berkaitan kehidupan seharian, menilai idea, melahirkan pendapat, membuat pilihan dan membuat keputusan.

Manakala, KBAR pula ditakrifkan sebagai penggunaan potensi minda yang terhad yang berfokus kepada aplikasi rutin dan mekanistik. Proses selalunya melibatkan operasi berulang seperti menyenaraikan maklumat yang pernah dipelajari, mengaplikasikan peraturan prosedur, dan aktiviti mental rutin dan algoritmik yang lain. Ia memerlukan pelajar untuk menghuraikan, membanding-bezakan, menyingkatkan, menghubungkan, mengapikasi dan menyelesaikan sesuatu masalah.

Perluah Kita Mengajar Kemahiran Berfikir?

Berbeza dari era sebelum ini, para pendidik, pada umumnya, sudah mula meneirma hakikat bahawa kemahiran berfikir harus diajar secara eksplisit di bilik darjah. Mengikut Gardner (1983) penumpuan yang diberi di sekolah menyokong perkembangan kecerdasan logikal-matematikal dan bahasa dan linguistik di kalangan pelajar. Ini bermakna enam kecerdasan lain di mana pelajar memang memiliki potensi untuk mengembangkannya, kurang atau tidak diperkembangkan. Sistem pendidikan seharusnya membantu mengembangkan kesemua kecerdasan ataupun potensi yang terdapat di kalangan pelajar. Kebolehan untuk berfikir dan bertindak secara bijak pasti menjadi asas kepada kesemua kecerdasan ini. Hanya dengan cara ini dapat

kita pastikan bahawa kita dapat melahirkan 'insan yang seimbang' yang dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Tambahan pula, Rancangan Rangka Jangka Panjang 3 (RRJP 3) yang telah dibentangkan di Parlimen pada April 2001 menggariskan dengan jelasnya ilmu dan kemahiran yang perlu dimiliki oleh rakyat Malaysia supaya negara kita dapat bersaing dengan negara-negara lain pada alaf baru ini. Di antara lain, RRJP3 menjelaskan bahawa 'Peralihan ekonomi akan meningkatkan permintaan terhadap kemahiran dan kepakaran teknologi serta tenaga buruh yang dilengkapi dengan pengetahuan *tacit* dan kemahiran berfikir yang tinggi (m.s.156)...Kurikulum sekolah akan dikaji semula untuk memupuk kemahiran berfikir dan menjana daya cipta serta pembelajaran sendiri di kalangan pelajar khususnya di peringkat rendah dan menengah (m.s.168)'.

Perkaitan Di antara Pengajaran Bahasa dan Perkembangan Kemahiran Berfikir

Kebolehan berbahasa dan befikir seseorang individu saling bantu membantu (Block, 1993). Kedua-duanya menyokong proses pengajaran pembelajaran yang bermakna. Kuantiti dan kualiti pemikiran pelajar boleh dipertingkatkan dengan membolehkan pelajar menggunakan bahasa dengan berkesan (Rajendran, 2000a). Pemikiran yang sementara dan mentah boleh berubah menjadi prinsip-prinsip dan skema yang kekal melalui proses penggunaan komponen bahasa: mendengar; bertutur; membaca; dan menulis.

Guru BM haruslah berusaha mengembangkan kemahiran asas dalam BM dan potensi berfikir pelajar-pelajar di dalam kelasnya. Perkembangan satu aspek pasti akan menyokong perkembangan aspek yang lain. Seelok-eloknya, guru boleh merancang dan mengendalikan aktiviti pengajaran pembelajaran yang menyokong perkembangan kemahiran asas bahasa dan pada waktu yang sama potensi mengendalikan KBAT. Ini adalah tanggungjawab guru BM. Collins (1992) berpendapat, 'If adults and children fail to ignite students' thinking, writing, reading, speaking, and listening their wisdom is limited'.

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pengajaran Pembelajaran Bahasa Melayu

Kesemua komponen dalam BM, termasuk kemahiran asas, menawarkan peluang kepada guru untuk menyebatkan KBAT dalam pengajaran pembelajaran. Kemahiran asas bahasa ialah mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Komponen tambahan ialah tatabahasa dan kesusasteraan (Rajendran, 2001). Guru BM boleh dan seharusnya membawa wacana di dalam kelas ke aras yang tinggi dengan menyebatkan KBAT semasa mengajar kesemua komponen bahasa. Walau bagaimanapun, proses pengajaran pembelajaran di dalam kelas haruslah berjalan dengan cara yang bersahaja supaya tidak kelihatan 'artificial' dan terlalu mementingkan pengajaran pembelajaran KBAT.

Mendengar dan Bertutur

Cazden (1979) telah menunjukkan bahawa penggunaan kemahiran mendengar dan bertutur oleh guru dan pelajar mewujudkan suasana bilik darjah yang boleh menyokong atau menghalang perkembangan beberapa jenis kemahiran berfikir. Memberi kiu (*cue*) dan menyoal adalah dua strategi utama yang digunakan oleh guru untuk menggalakkan penguasaan KBAT oleh pelajar. Memberi kiu melibatkan usaha guru menggunakan pengajaran untuk memberi tanda isyarat kepada pelajar tanpa memberitahu sesuatu secara eksplisit. Ini bermakna guru memaklumkan jenis pembelajaran dan hasil pembelajaran dalam masa yang ditentukan. Kiu ini akan menggalakkan pelajar berfikir dan mentafsirkan jenis pembelajaran dan hasil yang disasarkan. Tambahan pula, semasa pelajar mempelajari kandungan baru, bentuk struktur itu direkodkan dalam ingatan pelajar sangat dipengaruhi oleh cara guru membincangkan kandungan itu dengan pelajar di bilik darjah (Moore, 1977).

Teknik menyoal adalah satu lagi cara yang boleh digunakan oleh guru dalam komponen mendengar dan bertutur untuk menggalakkan pelajar menguasai KBAT. Redfield dan Rousseau (1981) mencadangkan bahawa penggunaan soalan aras tinggi oleh guru menggalakkan penguasaan KBAT oleh pelajar. Walau bagaimanapun, terdapat perkara berkaitan berhubung penyoalan yang harus diberi perhatian oleh guru di dalam kelas. Di antara perkara yang perlu diberi perhatian ialah tempoh menunggu, pola penyoalan oleh guru dan pelajar dan pola respons. Tobin (1986) mencadangkan bahawa tempoh menunggu yang cukup selepas

mengemukakan soalan adalah kriteria penting untuk menggalakkan penguasaan KBAT oleh pelajar.

Selain dari ini, pada keseluruhannya, penyualan di dalam kelas adalah guru kepada pelajar (Rajendran, 1998). Pola penyualan pelajar kepada guru dan pelajar kepada pelajar juga harus digalakkan. Pola penyualan dan menerima respons yang sering didapati di bilik darjah ialah 'penyualan-respons-penilaian' (*initiation-response-evaluation*) (Rajendran, 1998). Pola ini tidak memberi ruang kepada pelajar memanipulasikan respons yang diterima baik daripada guru mahupun pelajar, lebih-lebih lagi jika mereka tidak bersetuju dengan sesuatu respons.

Membaca

Guru juga boleh menggunakan pengajaran kemahiran membaca untuk menggalakkan pelajar supaya mereka menguasai KBAT. Satu daripada cara ialah teknik 'reciprocal teaching' yang diperkenalkan oleh Palinscar dan Brown (1984). Teknik ini menggunakan satu proses koperatif di antara guru dan pelajar dalam mengemukakan soalan dan mendapatkan respons dengan tujuan menunjukkan ciri-ciri metakognitif dalam proses membaca. Ini bermakna proses metakognitif boleh digunakan sebelum, semasa dan selepas membaca.

Selain dari ini, guru harus juga menekankan tradisi literasi tinggi (Bereiter dan Scardamalia, 1987) pada keseluruhan proses mengajar membaca. Kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif akan ditekankan dalam proses

membaca dan memahami teks. Pelajar nescaya akan memainkan peranan yang aktif dalam proses pengajaran pembelajaran. Pelajar juga akan menghasilkan karya kreatif dan asli dalam bentuk karangan, drama dan sajak. Proses ini akan memerlukan pelajar mencipta, menyusun, mengatur stail, mensintesis, mempersembah, dan mengaitkan karya mereka dengan beberapa keperluan. Secara tidak langsung, aktiviti-aktiviti ini membantu pelajar menguasai KBAT.

Menulis

Di antara kesemua kemahiran asas bahasa, kemahiran menulis mungkin menawarkan wacana terbesar kepada guru untuk menggalakkan pelajar menguasai KBAT. Proses menggubah merupakan satu aktiviti kognitif yang sangat kompleks. Aktiviti yang sangat kompleks ini memang membawa cabaran dalam bentuk KBAT kepada para pelajar. Mengikut Nickerson (1984), 'writing is viewed not only as a medium of thought but also as a vehicle for developing it'.

Guru harus melihat dan menggunakan usaha menulis dan menghasilkan satu hasil sebagai satu 'projek' yang mempunyai pelbagai fasa. Keseluruhan projek ini mempunyai proses berulang-ulang yang mengandungi tugas-tugas merancang, menterjemah, menilai semula, memurni dan mengemaskini karya. Dalam setiap fasa pelajar menimbang

semula keputusan yang mereka buat sebelum itu. Situasi ini juga menggalakkan pelajar menggunakan kemahiran membuat keputusan dan menyelesaikan masalah dalam proses menghasilkan karya ini.

Tatabahasa

Guru BM juga boleh menggunakan pengajaran tatabahasa untuk pelajar menguasai KBAT. Guru seharusnya menyedari hakikat bahawa komponen tatabahasa juga menawarkan peluang yang begitu banyak untuk menyebatkan KBAT dalam pengajaran pembelajaran. Ini bermakna tatabahasa tidak hanya diajar supaya pelajar dikehendaki menghafal peraturan tatabahasa tanpa mengetahui sebab-sebabnya. Pelajar-pelajar seharusnya menilai, memahami, dan membuat rumusan tentang sesuatu peraturan tatabahasa. Jika ini berlaku, pelajar akan memahami peraturan tatabahasa tersebut dan mereka akan mengaplikasikan peraturan tatabahasa dengan cara betul.

Sebagai contoh, seorang guru yang mengajar kata kerja transitif tanpa pelengkap boleh mengajar secara didaktik bahawa 'kata kerja tak transitif tanpa pelengkap ialah kata kerja yang boleh berdiri sendiri tanpa objek atau penyambut' dengan menggunakan contoh-contoh berikut(Jadual II).

Jadual II: Kata Kerja Tak Transitif Tanpa Pelengkap

Bil.	Ayat.
1	Semua orang <i>pulang</i> .
2	Adik saya masih <i>tidur</i> .
3	Padi sedang <i>menguning</i> .
4	Pemuda itu <i>tersenyum</i> .
5	Mereka asyik <i>berbual</i> .

(Sumber: Tatabahasa Dewan, 1997, m.s. 140)

Peraturan tatabahasa ini juga boleh diajar menggunakan pendekatan alternatif yang menawarkan peluang menguasai KBAT kepada pelajar. Pelajar boleh dibekalkan dengan contoh-contoh di atas (Jadual II) dan mereka secara individu ataupun dalam kumpulan membaca dan memahami contoh-contoh tersebut. Seterusnya, mereka boleh dibimbing melihat pola yang terdapat di dalam contoh-contoh di atas. Mereka harus mengenal pasti pola tersebut (mereka mengenal pasti kata kerja dan menyedari tiada pelengkap selepas kata kerja tersebut).

Seterusnya mereka haruslah menyiasat mengapa berlaku pola tersebut di dalam contoh-contoh ini. Hasil dari siasatan atau perbincangan mereka, mereka pada peringkat ini sudah seharusnya bersedia membuat rumusan bahawa 'kata kerja tak transitif tanpa pelengkap ialah kata kerja yang boleh berdiri sendiri tanpa objek atau penyambut'. Bezanya ialah, berbanding dengan pengajaran didaktif, pendekatan alternatif ini memberi peluang kepada pelajar memainkan peranan yang aktif dan bermakna. Mereka dengan sendiri membaca, memahami, menyiasat dan membuat rumusan. Mereka secara langsung di bawa ke aras membuat penilaian dan mereka tentu lebih yakin dengan penggunaan peraturan tatabahasa ini seterusnya.

Kesusasteraan

Seorang guru BM semasa mengajar komponen kesusasteraan perlu peka terhadap keperluan memilih strategi dan aktiviti yang sesuai untuk membawa wacana dalam kelas ke aras tinggi (Rajendran, 2000). Wacana

akan memastikan pengajaran pembelajaran di dalam kelas tidak sekadar membincangkan pelbagai aspek dalam genre sastera di aras rendah. Malah perbincangan akan dibawa kepada aras yang membolehkan pelajar menguasai pemikiran aras tinggi. Hampir kesemua aktiviti yang dikendalikan di dalam bilik darjah boleh dibawa ke aras tinggi jika guru berusaha memilih strategi dan aktiviti yang sesuai. Di bawah ini dicadangkan beberapa aktiviti yang boleh digunakan.

Jadual III: Aktiviti Pengajaran Pembelajaran KBAT

Taksonomi Bloom	KBAT dan KBAR	Aktiviti Pengajaran Pembelajaran
Pengetahuan Kefahaman	Kemahiran Berfikir Aras Rendah	<ul style="list-style-type: none"> • Menamakan watak-watak yang memainkan peranan • Menyatakan sinopsis cerpen atau novel • Memberi maksud diksi • Menyatakan persoalan yang terkandung dalam sajak
Aplikasi Analisis Sintesis Penilaian	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	<ul style="list-style-type: none"> • Perbandingan metafora, personifikasi dan simile • Membuat inferens tentang tindakan atau keputusan • Membuat penilaian tentang nilai yang dibawa dalam genre sastera • Mengaitkan tindakan dan keputusan yang terdapat dengan kehidupan sendiri • Membuat generalisasi tentang tindakan • Mencadangkan penyelesaian terhadap masalah atau isu yang dihadapi

(Sumber: Rajendran, 2000, m.s.9)

Jadual III di atas menunjukkan bahawa guru mempunyai pelbagai peluang untuk membawa wacana di dalam kelas ke aras tinggi. Guru dapat mengatur pelbagai aktiviti dengan menggunakan pelbagai genre sastera

seperti yang dicadangkan. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna kemahiran berfikir aras rendah sama sekali tidak penting. Apa yang perlu digalakkan ialah guru mengatur dan mengendalikan aktiviti pengajaran pembelajaran yang memberi peluang kepada para pelajar menguasai KBAT. Jadual IV di bawah menunjukkan bagaimana satu genre sastera iaitu sajak (Rujuk Lampiran I) boleh digunakan untuk mengajar KBAT.

Jadual IV: Soalan Kefahaman Yang Menggalakkan KBAT

Soalan	Proses Pemikiran
1. Apakah maksud penyajak seperti di gambarkan dalam 'kesombongan merajai setiap ruang?'	<ul style="list-style-type: none"> • Menginterpretasi • Menilai pendapat
2. Adakah munasabah penyajak mengatakan 'menghakis sopan santun seperti banjir kilat?' Mengapa?	<ul style="list-style-type: none"> • Mengkaji pendapat atau tindakan secara kritis • Membuat keputusan
3. Bersetujukah anda dengan kenyataan bahawa 'jalan-jalan raya kotaku adalah gelanggang kebuasaan perlumbaan kebiadaban?'	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat rumusan • Membuat keputusan
4. Sila beri ulasan anda terhadap pendapat penyajak bahawa 'Kemanusiaan semakin mandul pada penghujung musim'.	<ul style="list-style-type: none"> • Melahirkan pendapat peribadi • Menyelesaikan masalah berkaitan kehidupan seharian
5. Mengapakah berlaku situasi yang digambarkan oleh penyajak di jalan-jalan raya?	<ul style="list-style-type: none"> • Mengkaji dan menilai situasi secara kritis • Mencadangkan penyelesaian
6. APakah cadangan anda tentang langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah ini?	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat generalisasi • Membuat keputusan • Mencadangkan penyelesaian

Jadual IV di atas menunjukkan bagaimana seorang guru BM boleh menggunakan soalan kefahaman untuk mewujudkan amalan berdaya fakir di dalam kelas. Jika dikaji, soalan-soalan kefahaman ini mewakili KBAR dan KBAT. Tentu sekali lebih banyak soalan yang menggalakkan KBAT

daripada KBAR telah dimasukkan. Selain dari ini, guru juga boleh menggunakan perbandingan metafora (gelanggang kebuasaan), personifikasi (kebosanan menggigit) dan simile (seperti banjir kilat) untuk menggalakkan pelajar menjalani aktiviti berdaya fakir.

Pendekatan, Strategi dan Teknik Pengajaran Pembelajaran

Perbincangan di atas telah menunjukkan bagaimana seseorang guru BM boleh menggunakan komponen asas bahasa untuk menyebatkan KBAT dengan berkesan. Kesemua komponen asas bahasa menawarkan peluang untuk tujuan ini. Guru sebenarnya boleh pilih dari satu repertoire pendekatan, kaedah dan teknik mengikut keperluan dan kesesuaian. Strategi atau kaedah mana yang dipilih adalah hak seseorang guru memandangkan pemilihan strategi atau kaedah dipengaruhi oleh beberapa faktor termasuk kebolehan pelajar, mata pelajaran, kemahiran yang dihendak diajar dan minat guru dan pelajar.

Maka di bawah diberikan satu repertoire strategi atau atau teknik yang boleh digunakan oleh guru BM untuk meningkatkan pengajaran pembelajaran KBAT melalui pengajaran pembelajaran BM. Bagi kesemua kaedah, strategi atau teknik yang dicadangkan terdapat dapatan kajian yang menunjukkan bahawa penggunaan kaedah, strategi dan teknik dalam pengajaran pembelajaran telah membantu pelajar menguasai KBAT dan juga meningkatkan prestasi akademik mereka.

- i. Kaedah Penyelesaian Masalah.
- ii. Soalan terbuka (open-ended questions).
- iii. Soalan Aras Tinggi.
- iv. Perbincangan dalam kumpulan.
- v. Metakognisi.
- vi. Penggunaan alat-alat berfikir.
- vii. Teknik mengalakan semula 'redirection', mencungkil 'probing' dan mengukuhkan 'reinforcement'.
- viii. Masa menunggu yang secukupnya selepas menyoal.

Perkara Berkaitan Yang Perlu Diberi Perhatian

Guru BM, seperti guru-guru lain, mempunyai peluang yang begitu besar untuk menyebatkan KBAT dalam kesemua aktiviti pengajaran pembelajaran. Walaupun, program mengajar KBAT telah dilaksanakan secara formal di sekolah-sekolah di Malaysia lebih dari 10 tahun (Rajendran, in press), kita masih menghadapi pelbagai masalah dalam pelaksanaan program ini di bilik darjah. Pelaksanaan program ini hanya membawa kejayaan yang terhad setakat ini.

Demi menentukan kejayaan program mengajar KBAT ini, termasuk di dalam bilik darjah BM, terdapat beberapa perkara yang harus diberi perhatian dan diatasi. Jika sekiranya sesetengah masalah ini tidak ditangani dan diselesaikan pelaksanaan program ini tidak akan membawa kejayaan seperti yang dijangkakan. Tidak mungkin kesemua perkara ini dijelaskan dalam kertas kerja ini. Walau bagaimanapun, perbincangan secara detail tentang perkara-perkara ini telah dilakukan di dalam wacana lain yang berkaitan.

- i. Ilmu, kemahiran dan sikap guru untuk mengajar KBAT (Rajendran, 1998; 2000b).
- ii. Kepercayaan guru tentang pengajaran, pembelajaran dan pelajar (Rajendran, 1998; 2000b).
- iii. Perkembangan profesionalisme guru (Rajendran, 2001).
- iv. Terminologi untuk mengajar Kemahiran Berfikir (Rajendran, 2001).
- v. Taksonomi alternatif untuk mengajar Kemahiran Berfikir (Rajendran, 1998; 2001).
- vi. Perhatian yang diberikan kepada keputusan Peperiksaan (Rajendran, 1998b).
- vii. Bahan sumber pengajaran pembelajaran kemahiran berfikir (Rajendran, 1998a; 1998b).

Rumusan

Program mengajar kemahiran berfikir secara formal kepada semua pelajar telah dilaksanakan sejak tahun 1992. Kita telah mencapai kejayaan yang terhad. Apa yang penting ialah kita harus belajar daripada pengalaman kita melaksanakan program tersebut selama ini dan berusaha memurni dan memantapkan proses pelaksanaan program tersebut supaya ia mencapai matlamat sebenar mengajar kemahiran berfikir. Semua perkara yang dibincangkan di atas perlu diberi perhatian untuk memastikan pelaksanaan program ini berjaya. Perkara ini tiada lagi menjadi pilihan dan harus dilaksanakan seperti yang telah dijelaskan dalam RRJP3.

Dalam konteks ini, pengajaran pembelajaran di bilik darjah BM juga harus mengikuti perkembangan ini. Pada asasnya, proses pengajaran pembelajaran di bilik darjah BM juga perlu mengalami perubahan yang signifikan supaya ia benar-benar memperlihatkan amalan berdaya fikir dan pelajar-pelajar menguasai KBAT. Mata pelajaran BM menawarkan peluang

itu kepada para guru dan pelajar untuk dieksploitasi. Harapannya ialah guru akan sekali lagi akan beriltizam untuk menangani cabaran ini.

Rujukan:

- Bereiter, C., & Scardamalia, M. (1987). An attainable version of high literacy: Approaches to teaching high-order skills in reading and writing, *Curriculum Inquiry*, 17:1, 9-30
- Block, C. C. (1993). *Teaching the language arts: Expanding thinking through student-centered instruction*. Boston: Allyn and Bacon
- Cazden, C.B. (1979). Language in education: Variation in the teacher-talk register. In J. Alatis & R. Rucker (Eds.) *Language in public life*. (pp.120-147) Washington, DC:Gergertown Unversity Round Table in Language and Linguistics.
- Collins, C. (1992). Thinking development through intervention. Middle school students come of age. In C. Collins & J.Mangieri (Eds.).

- Thinking development: An agenda for the twenty-first century.*
Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Gardner, Howard. (1993). *Multiple intelligences: The theory in practice.* New York: Basic Books.
- Moore, C.A. (1977). Verbal teaching patterns under simulated teaching conditions. In R. O. Freedle (Ed.) *Discourse production in comprehension.* (Vol.1) (pp.271-305) Norwood, NJ: Ablex Publishing Co.
- Nickerson, R.S. (1984). Kinds of thinking taught in current programs. *Educational Leadership*, 42, pp.26-37.
- Nik Safiah Karim. et al. (1997). *Tatabahawa dewan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Onosko, J. J. & Newmann, F. M. (1994). Creating more thoughtful learning environments, In J.N.Mangieri & C.C. Block (Eds.). *Creating powerful thinking in teachers and students: Diverse perspectives.* Fort Worth: Harcourt Brace College Publishers.
- Palinscar, A.S. & Brown, A.L. (1984) Reciprocal teaching of comprehension-fostering and comprehension-monitoring activities. *Cognition and Instruction*, 1, 117-175.
- Perkins, D. N. (1992). *Smart Schools: From training memories to educating minds,* New York: The Free Press.
- Rajendran, Nagappan. (In press). The teaching of higher-order thinking skills in Malaysia. *Journal of Southeast Asian Education.*
- Rajendran, Nagappan. (2001). Language teaching and the enhancement of higher-order thinking skills. In Willy A. Renandya & Nilda R. Sunga. (Eds.). *Language curriculum and instruction in multicultural societies.* Anthology Series 42. Singapore:SEAMEO Regional Language Centre.
- Rajendran, Nagappan. (2000a) Kesusasteraan sebagai wahana mengajar kemahiran berfikir aras tinggi. *Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelidikan dan Pembangunan Dalam Pendidikan 2000,* Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rajendran, Nagappan. (2000b) *Teaching higher-order thinking skills in classrooms: Learning from the experiences of Malaysia.* Paper presented at the Thinking Qualities Initiative Conference Hong Kong 2000, Hong Kong.
- Rajendran, Nagappan. (1998a) *Teaching higher-order thinking skills in language classrooms: The need for transformation of teaching practice.* Unpublished doctoral dissertation, Michigan State University, East Lansing, MI: Michigan State University.
- Rajendran, Nagappan. (1998b) *Teaching higher-order thinking skills in language classrooms in Malaysia: The teachers' dilemmas.* Inaugural Conference of the Malaysian Educational Research Association, Penang, Malaysia.
- Rajendran, Nagappan. (1996) *How are higher-order thinking skills taught?: The case of an eighth grade English Language Arts classroom,*

- Unpublished Research Practicum Report, East Lansing, MI: Michigan State University.
- Redfield, D. L. & Rousseau, E. W. (1981). A meta-analysis of experimental research on teacher questioning behavior. *Review of Educational Research*. 51, pp.237-245.
- Sternberg, R. & Martin, M. (1988). When teaching thinking does not work, what goes wrong?, *Teachers College Record*, Vol.89., N.4.
- Swartz, R., & Parks, S. (1994). *Infusing critical and creative thinking into content instruction*, California: Critical Thinking Press.
- Teacher Education Division. (1994). *Model pengajaran dan pembelajaran kemahiran berfikir*. Kuala Lumpur, Malaysia: Ministry of Education.
- Tobin, K. (1986). Effects of teacher wait time on discourse characteristics in mathematics and language arts classes. *American Educational Research Journal*, 23, 191-200.

Lampiran 1

JALAN-JALAN RAYA KOTAKU

Saban waktu sepanjang perjalanan
jalan-jalan raya kotaku
lewat senja begini
tika gerimis menabur benih
menerima kehadiran warga kota
lemas dalam kesabaran

**lelah meresahkan
dengan luka parah di hati.**

**Ketidaksabaran membengkak
kesombongan merajai setiap ruang
semakin padat dengan emosi
kebosanan menggigit pangkal rasa.**

**Demikian etika di perjalanan
budi luhur warga kotaku
tidak lagi berlaku
yang hadir adalah keserakahan
memacu menghimpun kekuatan
menghakis sopan santun
seperti banjir kilat
melanda pinggir perjalanan
fitrah sang manusia
peradaban kota masa kini.**

**Jalan-jalan raya kotaku
adalah gelanggang kebuasan
perlumbaan kebiadaban
para pesakit
kemanusiaan semakin mandul
pada penghujung musim.**

Zam Ismail

Namafail:dayafikir2001/nsr/051101